



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA**  
**MINGGU EPIDEMIOLOGI 21 (21 MEI – 27 MEI 2023)**

Pada Minggu Epidemiologi ke-21 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,638 kes berbanding 2,444 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 194 kes (7.9%). Tiga (3) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-21 tahun 2023.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-21 adalah sebanyak 46,257 kes berbanding 17,496 kes bagi tempoh sama tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 28,761 (164.4%). Tren kes denggi bagi tahun 2023 adalah lebih tinggi berbanding tren kes bagi median 5 tahun dan tahun 2022. Manakala sejumlah 31 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 10 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.


Bilangan lokaliti hotspot pada minggu ini menurun dengan sebanyak 72 lokaliti hotspot dilaporkan berbanding 77 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 53 lokaliti berada di Selangor, lapan (8) lokaliti di Pulau Pinang, lima (5) lokaliti di Sabah, empat (4) lokaliti di WPKL & Putrajaya serta masing-masing satu (1) lokaliti di Kedah dan Perak.

Bagi surveilans chikungunya sebanyak tiga (3) kes telah direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-21 dengan dua (2) kes dari Selangor dan satu (1) kes dari Kedah. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 134 kes. Bagi surveilans zika, sebanyak 1,139 sampel darah dan 53 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Semua lapisan masyarakat perlu memastikan tiada bekas berpotensi pembiakan nyamuk *Aedes* di persekitaran rumah dan tempat melakukan kegiatan harian. Jarak terbang nyamuk *Aedes* adalah dalam radius 200 meter dan sekiranya terdapat kes demam denggi di sesebuah kawasan, nyamuk infektif akan membawa virus denggi dalam jarak sekitar 200 meter dari rumah kes. Pesakit yang telah disahkan demam denggi juga perlu menghindarkan diri dari digigit nyamuk *Aedes* dengan pemakaian repelan nyamuk agar virus denggi tidak dipindahkan kepada individu lain melalui gigitan nyamuk. Semburan aerosol juga perlu dilakukan bagi membunuh nyamuk *Aedes* dewasa yang berada di dalam ruangan.

Kini, bilangan kes demam denggi dalam jarak 200 meter serta status wabak satu kawasan dapat diakses melalui aplikasi iDengue atau pautan laman sesawang iDengue di <https://idengue.mysa.gov.my/>. Pelbagai informasi termasuk bahan pendidikan kesihatan berkenaan denggi juga terdapat dalam aplikasi dan laman sesawang iDengue. Ambil tindakan pencegahan proaktif bagi melindungi diri, keluarga dan komuniti dari ancaman demam denggi. Ambil peduli, nyamuk *Aedes* tidak mengenal mangsa. **Tiada *Aedes*, tiada denggi, chikungunya dan zika.**


**DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
**2 Jun 2023**




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-21 dan ke-20 tahun 2023



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-21 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



**Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2023, 2022 dan median 2018-2022**



**Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-21 tahun 2023**